

KONSEP ISTI'ANAH MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN

Abdul Mukti Baharudin¹, Makiah Tussaripah Jamil²

abdulmukti@kuis.edu.my¹

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) ¹

Universiti Teknologi Mara (UiTM) ²

ABSTRAK

Isti'anah atau memohon pertolongan merupakan asas yang penting dalam kehidupan manusia umumnya dan muslim khususnya. Manusia yang dikenali sebagai makhluk yang memiliki pelbagai kelemahan sudah pasti amat berhajat dan memerlukan kepada yang lain. Oleh kerana itu, Allah swt telah menggariskan prinsip-prinsip isti'anah yang perlu diamalkan oleh seseorang muslim di dalam al-Quran supaya ia memberi manfaat kepada kehidupannya. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kepustakaan dan analisis dokumen bagi mengenalpasti prinsip-prinsip isti'anah tersebut. Di antara prinsip-prinsip isti'anah yang digariskan oleh Allah swt di dalam al-Quran ialah memohon pertolongan hanyalah kepada Allah swt pohonlah pertolongan dengan penuh kesabaran dan dengan menunaikan solat. Oleh itu, apabila prinsip-prinsip ini diaplikasikan dalam kehidupan umat Islam, mereka akan meraih kejayaan di dunia dan di akhirat.

Kata Kunci: isti'anah, manusia dan al-Quran.

1.0 PENDAHULUAN

Walaupun Allah swt menjadikan manusia sebaik-baik kejadian, namun Dia juga menjelaskan bahawa dijadikan manusia itu bersifat lemah. Apabila lemah, sudah pasti makhluk yang bernama manusia ini perlu kepada pertolongan dan bantuan dalam pelbagai urusan samada dunia mahupun akhirat. Maka timbul persoalan, kepada siapa yang selayaknya dan sepatutnya dipohon pertolongan dan diminta bantuan. Dan dalam masa yang sama, macam manakah kaedah terbaik bagi memohon pertolongan.

Persoalan-persoalan ini sebenarnya sudah dirungkai dan dijawab oleh Allah swt di dalam al-Quran. Konsep isti'anah ini sebenarnya diperkenalkan oleh Allah swt di awal-awal surah lagi dan ia dijadikan asas dan tunjang kepada umat Islam. Berpegang dengan konsep ini sudah pasti akan menghasilkan natijah yang terbaik bagi seseorang manusia, di dunia mahupun di akhirat.

Justeru itu, di dalam kertas ini kajian akan memfokuskan kepada kalimah isti'anah yang terdapat di dalam al-Quran serta prinsip-prinsip yang terdapat padanya. Dalam masa yang sama akan diperjelaskan kepentingan berpegang dengan prinsip-prinsip ini bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan hidup umat Islam di dunia mahupun di akhirat.

Definisi Isti'anah

Dari segi bahasa:

Isti'anah (استعانة) merupakan masdar dari kalimah ista'ana (استعان – يستعين – استعانة), yang memberi maksud memohon atau meminta pertolongan¹. Dan kalimah isti'ana ini berasal daripada kalimah 'aun (عون)². Apabila dibina atas wazan (timbangan) istaf'ala (استفعل) kebiasaannya ia menunjukkan kepada menuntut atau meminta sesuatu.

Dari segi istilah:

Manakala dari segi istilah, ia bermaksud memohon pertolongan hanya daripada Allah swt, samada melalui doa ataupun mendirikan solat.

¹ Jamaah Min Kibar al-Lughawiyyin al-'Arab. *Al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*. Al-Munazommah al-'Arabiyyah lil Tarbiyyah wa al-Thaqofah wa al-Ulum. H. 879.

² Ahmad bin Muhammad bin Ali al-Fayyumi. (2000). *Al-Misbah al-Munir*. Kaherah: Dar al-Hadith. H. 260.

Analisis Kalimah Isti'anah Di Dalam Al-Quran

Allah swt menggunakan kalimah isti'anah pada beberapa tempat di dalam al-Quran. Setelah analisa dan kajian dibuat menerusi kitab al-Mu'jam al-Mufahras li al-Alfaz al-Quran al-Karim³, dapatlah disimpulkan bahawa Allah swt telah mendatangkan kalimah isti'anah di dalam al-Quran dalam beberapa bentuk, iaitu:

BENTUK	AYAT	SURAH DAN NO AYAT
Fi'el al-Mudhori'	إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ كَسْتَعِينُ ﴿٥﴾	Al-Fatihah: 5
Fi'el al-Amr	وَأَسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ ﴿٤٥﴾	Al-Baqarah: 45
	يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ ﴿١٥٣﴾	Al-Baqarah: 153
	قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ اسْتَعِينُوا بِاللَّهِ وَأَصْبِرُوا ﴿١٢٨﴾	Al-A'araf: 128
Isim al-Maf'ul	وَاللَّهُ الْمُسْتَعَانُ عَلَىٰ مَا تَصِفُونَ ﴿١٨﴾	Yusuf: 18
	قَالَ رَبِّ احْكُم بِالْحَقِّ ۗ وَرَبُّنَا الرَّحْمَنُ الْمُسْتَعَانُ عَلَىٰ مَا تَصِفُونَ ﴿١١٢﴾	Al-Anbiyaa': 112

³ Muhammad Fu'ad Abdul Baqi. (1996). *al-Mu'jam al-Mufahras li al-Alfaz al-Quran al-Karim*. Kaherah: Dar al-Hadith. H. 607.

2.0 KONSEP ISTI'ANAH MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN

Menerusi ayat-ayat yang dianalisis ini, dapatlah disimpulkan bahawa konsep isti'anah di dalam al-Quran mempunyai tiga asas penting, iaitu:

- i. Memohon pertolongan hanya kepada Allah swt

Perkara ini jelas dapat dilihat pada firman Allah swt dalam surah al-Fatihah, ayat yang kelima:

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾

Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja Kami memohon pertolongan.

(al-Fatihah: 5)

Menurut ulama'-ulama' tafsir, mendahulukan maf'ul daripada fi'il dan fa'il menunjukkan bahawa ia (maf'ul) itu adalah amat penting dan bukti kepada had (hasr) serta batasan⁴.

Maka difahami daripada ayat ini, hanya Allah swt sahaja menjadi tempat kepada hamba-hambanya meminta pertolongan dan bantuan, tidak kepada yang lain. Manusia perlu dan wajib meminta pertolongan kepada Allah swt dalam semua perkara, samada dalam urusan dunia mahupun urusan akhirat. Ini kerana hanya Allah swt sahaja yang mampu menolong dan membantu. Selain daripadanya adalah lemah dan tidak berkuasa. Memohon kepada yang lemah dan tidak memiliki apa-apa kuasa tidak akan menghasilkan natijah yang diinginkan. Bahkan akan membawa kekecewaan dan putus harapan. Syeikh Sya'rawi di dalam menafsirkan ayat ini menyatakan:

Memohon pertolongan daripada Allah swt akan mengeluarkan kamu dari kerendahan dan kehinaan dunia. Apabila kamu memohon pertolongan selain daripada Allah swt pasti kamu memohon pertolongan daripada manusia. Setahap mana pun kuasa dan kekuatannya, ia dalam batasan dan had sebagai seorang manusia. Kita hidup di alam yang berubah-ubah. Jadi, yang kuat mungkin akan menjadi lemah..... Allah swt hendak membebaskan orang yang beriman daripada kerendahan dan kehinaan dunia.

⁴ Ismail bin Kathir. (2000). *Tafsir al-Quran al-Azim*. Kaherah: Muassasah Qurtubah. V. 1. H. 214.

Maka Dia menuntut orang yang beriman supaya meminta pertolongan daripada Yang Maha Hidup, Dia tidak mati sekali-kali.. dan daripada Yang Maha Kuat, Dia tidak lemah sekali-kali.. dan daripada Yang Maha Berkuasa, yang mana tidak ada seorang pun yang terkeluar dari urusanNya.....⁵

Konsep isti'anah hanya kepada Allah swt ini amat ditekankan sehingga surah al-Fatihah, yang terkandung lafaz "hanya kepada Engkau kami memohon pertolongan" ini dijadikan wirid harian umat Islam. Mereka perlu membaca sekurang-kurangnya 17 kali sehari semalam di dalam solat mereka. Manakala meninggalkan membacanya akan membatalkan solat. Sebagaimana sabda baginda saw:

لا صلاة لمن لم يقرأ بفاتحة الكتاب

"Tidak sah solat sesiapa yang tidak membaca surah al-Fatihah"

Allah swt sebagai tempat memohon pertolongan diperteguhkan lagi oleh firmanNya dalam surah Yusuf:

وَاللَّهُ الْمُسْتَعَانُ عَلَىٰ مَا تَصِفُونَ ﴿١٨﴾

"...dan Allah jualah yang dipohonkan pertolongannya, mengenai apa yang kamu katakan itu."

(Yusuf: 18)

Dalam peristiwa Nabi Yaakub yang cuba ditipu oleh anak-anaknya dengan menyatakan bahawa Nabi Yusuf telah dimakan serigala, baginda menjelaskan cukuplah Allah swt sahaja yang dijadikan tempat meminta pertolongan (al-musta'an) atas apa yang mereka bohongi.

Begitu juga dengan firman Allah swt dalam surah al-Anbiya':

قَالَ رَبِّ احْكُم بِالْحَقِّ ۗ وَرَبُّنَا الرَّحْمَنُ الْمُسْتَعَانُ عَلَىٰ مَا تَصِفُونَ ﴿١٧﴾

(Nabi Muhammad merayu dengan) berkata: "Wahai Tuhanku, hukumkanlah (di antara kami dengan mereka) dengan yang benar; dan Tuhan kami ialah yang

⁵ Muhammad Mutawalli al-Sya'rawi. *Tafsir al-Sya'rawi*. Kaherah: Akhbar al-Yaum. V. 1. H. 81.

melimpah-limpah rahmatNya yang dipohonkan pertolonganNya terhadap apa yang kamu sifatkan itu".

Di dalam ayat ini, sekali lagi lafaz al-musta'an digunakan untuk menunjukkan bahawa hanya Allah swt menjadi tempat dipohon pertolongan, tiada yang lain.

Sebenarnya kepercayaan dan keyakinan bahawa hanya Allah swt sahaja layak dan sebagai tempat dipohon segala pertolongan mempunyai pertalian yang amat kuat dengan akidah. Keimanan kepada Allah swt sebenarnya akan menghasilkan keyakinan yang jitu dan kukuh bahawa Dia adalah segala-galanya, termasuklah sebagai tempat bergantung dan dipohon segala hajat dan keinginan. Manakala keimanan yang tidak sebenar atau ada padanya syak, ragu dan waham akan menghasilkan tindak tanduk yang pelbagai sehinggakan boleh membawa kepada syirik dan gugurnya akidah. Contohnya orang yang sakit. Bagi orang yang benar-benar beriman, dia yakin yang menyembuhkan penyakitnya ialah Allah swt. Doktor yang dijumpai untuk mendapatkan rawatan serta ubat yang dimakan itu hanyalah sebab sahaja. Hakikat yang membaikkan penyakitnya ialah Allah swt. Namun bagi orang yang syak dan ragu dalam imannya kepada Allah swt dia merasakan doktor dan ubatlah yang membaikkan penyakitnya. Kalau tiada kedua-duanya, penyakitnya tidak akan baik. Keyakinan dan kepercayaan bahawa yang lain itu dijadikan sebagai tempat memohon pertolongan, bahkan tindak tanduk yang lain itu memberi kesan kepadanya boleh membawa kepada syirik dan terbatalnya akidah.

Oleh kerana itu kita perlu membezakan diantara isti'anah dan mu'awanah. Inilah yang dijelaskan oleh Prof. Dr. Hamka dalam tafsirnya:

Jangan kita campur-adukkan diantara isti'anah dengan mu'awanah. Di dalam hal memohonkan pertolongan, kita tetap hanya kepada Allah swt. Tetapi diantara kita manusia sesama manusia, makhluk sesama makhluk pun diperintah oleh Allah swt supaya bertolong-tolongan, berkoperasi, itu namanya bukan isti'anah, tetapi mu'awanah⁶.

⁶ Abdul Karim, Abdul Malik. (1986). *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka National PTE LTD. V. 1. H. 78.

ii. Memohon pertolongan dengan sabar.

Perkara kedua yang menjadi asas kepada konsep isti'anah ialah memohon pertolongan kepada Allah swt dengan sabar. Firman Allah swt:

وَأَسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ

“Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar ...”

(al-Baqarah: 45)

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿٤٥﴾

“Wahai sekalian orang-orang yang beriman! Mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) sembahyang; kerana sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang-orang yang sabar.”

(al-Baqarah:153)

اسْتَعِينُوا بِاللَّهِ وَأَصْبِرُوا ۗ

“...Mintalah pertolongan kepada Allah dan bersabarlah...”

(al-A'raaf:128)

Ketiga-tiga ayat ini menjelaskan bahawa, sifat sabar merupakan perkara yang amat penting dalam isti'anah. Di dalam kehidupan seseorang manusia, dia tidak dapat lari daripada tanggungjawab, bebanan amanah, tugas serta bergelut dengan bala dan ujian. Oleh kerana manusia itu lemah dan tidak berkuasa dalam menghadapi dan mengharungi semua perkara ini, ia perlu kepada bantuan dan pertolongan Allah swt. Dalam masa yang sama, pertolongan yang dipohon itu hendaklah disertai dengan sifat sabar. Ini kerana segala permohonannya samada dari segi bentuknya dan masanya adalah ditentukan oleh Allah swt bukan oleh dirinya.

Dalam hal ini, Imam al-Ghazali telah mendatang beberapa rangkap syair di dalam kitabnya, Minhaj al-Abidin:

لا تياسن وإن طالت مطالبة إذا استعنت بصبر أن ترى فرجا
أخلق بذى الصبر أن يحظى بحاجته ومدمن القرع للأبواب أن يلجا

Jangan berputus asa, meski pun tuntutan itu berpanjangan,

Apabila anda meminta tolong (kepada Allah swt) dengan kesabaran, nescaya anda akan melihat kelapangan (dari kesukaran),

Alangkah patutnya yang empunya kesabaran, memperolehi apa yang dihajatkan,

Orang yang bertalu-talu mengetuk pintu, nanti dapat masuk (selepas itu)⁷.

Sebahagian ulama' membahagikan sabar ini kepada beberapa bahagian, iaitu; sabar dalam meninggalkan perkara yang haram dan dosa, sabar dalam melakukan ketaatan dan mendekati diri kepada Allah swt dan sabar dengan musibah yang menimpa⁸. Jadi, dalam isti'anah seseorang, dia perlu memiliki semua bentuk kesabaran ini agak segala urusannya dipermudahkan oleh Allah swt.

iii. Memohon pertolongan dengan solat.

Konsep isti'anah ketiga yang digariskan oleh Allah swt ialah menunaikan solat. Perkara ini diulang oleh Allah swt sebanyak dua kali di dalam surah al-Baqarah dan digabungkan dengan sabar. Maka gabungan kedua-duanya ini pasti menatijahkan hasil yang luas biasa. Dalam menafsirkan ayat 45 surah al-Baqarah, Prof. Dr. Hamka menyatakan orang yang berpadu di antara sabarnya dan sembahyangnya, akan jernihlah hatinya dan besar jiwanya dan dia tidak akan rintang dengan perkara-perkara kecil dan tetek bengek⁹ (Hamka, 1986).

⁷ Muhammad bin Muhammad al-Ghazali. (2004). *Minhaj al-Abidin*. Kuala Lumpur. V. 1. H. 133.

⁸ Muhammad 'Ali al-Sabuni. (1996). *Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir*. Kaherah: Dar al-Salam. V. 1. H. 143, Muhammad bin Muhammad al-Ghazali. (1993). *Bimbingan Mukmin*. Singapura: Pustaka Nasional. H. 724.

⁹ Abdul Karim, Abdul Malik. (1986). *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka National PTE LTD. V. 1. H. 183.

Solat dari segi bahasa memberi maksud doa atau doa dengan kebaikan. Manakala dari segi istilah, ia bermaksud semua perkataan perbuatan tertentu yang dimulai dengan takbir dan disudahi dengan salam¹⁰.

Menerusi takrif ini, jelas menunjukkan bahawa solat merupakan mekanisma yang paling utama untuk mendekatkan diri dan berhubung dengan Allah swt serta memberi manfaat kepada diri orang yang menunaikannya. Ini dijelaskan oleh Dr. Wahbah Zuhaili di dalam kitabnya:

Faedah solat untuk individu adalah untuk menghampirkan diri (taqarrub) kepada Allah swt..... Selain itu, solat dapat memperkuat jiwa dan kehendak, berbangga dengan Allah swt tidak kepada yang lain, tidak terikat dengan dunia dan fenomenanya, mengangkat diri daripada keinginan dan pengaruh dunia serta keinginan nafsu terhadap kedudukan yang tinggi, harta dan kekuasaan yang ada pada orang lain. Solat juga dapat memberikan kerehatan diri, ketenangan jiwa dan menjauhkan jiwa seseorang daripada bersifat lalai....¹¹

Maka dalam memohon pertolongan dan bantuan daripada Allah swt, seseorang seharusnya menjadikan solat sebagai medan untuk menyampaikan hajat dan keinginannya itu. Itulah medan yang terbaik selain daripada semata-mata berdoa sahaja. Perkara ini juga telah dianjurkan oleh Rasulullah saw menerusi hadithnya:

مَنْ كَانَ لَهُ حَاجَةٌ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى أَوْ إِلَى أَحَدٍ مِنْ بَنِي آدَمَ فَلْيَتَوَضَّأْ وَلْيُحْسِنِ الْوُضُوءَ ثُمَّ لِيُصَلِّ رَكَعَيْنِ ثُمَّ لِيُثْنِ عَلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ وَلِيُصَلِّ عَلَى النَّبِيِّ ثُمَّ لِيُثَلِّ...¹¹

Barangsiapa yang ada baginya hajat kepada Allah Taala atau kepada anak Adam, hendaklah dia berwudhuk dengan baik, kemudian solat dua rakaat, kemudian memuji Allah swt dan berselawat kepada RasulNya, selanjutnya berkata...

(riwayat al-Turmudzi)

Ini juga dijelaskan oleh Imam al-Baidhawi dalam menafsirkan ayat 5 surah al-Fatihah:

¹⁰ Wahbah al-Zuhaili. (1997). *Fiqh dan Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. V. 1. H. 508, Mustofa al-Khin, Mustofa Al-Bugho dan Ali Al-Syarbaji. (1998). *Al-Fiqh al-Manhaji*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam. V. 1. H. 103.

¹¹ Wahbah al-Zuhaili. (1997). *Fiqh dan Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. V. 1. H. 511-512.

...sesungguhnya mendahului wasilah (perantaraan), yakni ibadah daripada memohon hajat dan pertolongan akan membawa kepada makbulnya permohonan tersebut..¹²

3.0 KESIMPULAN

Isti'anah merupakan proses memohon pertolongan hanya daripada Allah swt tidak yang lain. Allah swt telah menjelaskan konsep isti'anah ini di dalam al-Quran al-Karim. Terdapat enam tempat di dalam al-Quran yang datang dengan kalimah isti'anah. Cuma bentuknya adalah berbeza, iaitu dalam bentuk fi'il al-mudhori', fi'il al-amr dan ism almaf'ul. Menerusi analisis ringkas yang dibuat ke atas ayat-ayat tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa konsep isti'anah di dalam al-Quran dapatlah dibahagikan kepada tiga perkara, iaitu; memohon pertolongan hanya kepada Allah swt memohon pertolongan dengan kesabaran dan memohon pertolongan dengan menunaikan solat. Oleh itu, bagi menjayakan isti'anah samada dalam perkara dunia mahupun akhirat, seseorang itu perlulah menjadikan ketiga-tiga perkara ini sebagai asasnya.

¹² Abdullah bin Umar al-Badhawi. (1999). *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. V. 1. H. 10.

RUJUKAN

- Abdullah bin Umar al-Badhawi. (1999). *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Abdul Karim, Abdul Malik. (1986). *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka National PTE LTD.
- Ahmad bin Muhammad bin Ali al-Fayyumi. (2000). *Al-Misbah al-Munir*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Ghazali, Muhammad. (1993). *Bimbingan Mukmin*. Singapura: Pustaka National PTE LTD.
- Ismail bin Kathir. (2000). *Tafsir al-Quran al-Azim*. Kaherah: Muassasah Qurtubah.
- Jamaah Min Kibar al-Lughawiyin al-'Arab. *Al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*. Al-Munazommah al-'Arabiyyah lil Tarbiyyah wa al-Thaqofah wa al-Ulum.
- Muhammad Ali Al-Sabuni. (1996). *Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir*. Kaherah: Dar as-Salam.
- Mustofa Al-Khin, Mustofa al-Bugho dan Ali al-Syarbaji,. (1998). *Al-Fiqh al-Manhaji (Kitab Fikah Mazhab Syafie)*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Muhammad bin Muhammad al-Ghazali. (2004). *Minhaj al-Abidin*. Kuala Lumpur.
- Muhammad Fu'ad Abdul Baqi. (1996). *al-Mu'jam al-Mufahras li al-Alfaz al-Quran al-Karim*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Muhammad Mutawalli al-Sya'rawi. *Tafsir al-Sya'rawi*. Kaherah: Akhbar al-Yaum.
- Wahbah al-Zuhaili. (1997). *Fiqh dan Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.